



SIARAN MEDIA

MINGGU SAINS NEGARA DIANJURKAN UNTUK MENINGKATKAN KESEDARAN SAINS, TEKNOLOGI DAN INOVASI (STI)

2 April 2019, Kuala Lumpur – Kementerian Tenaga, Sains, Teknologi, Alam Sekitar dan Perubahan Iklim (MESTECC) melancarkan Minggu Sains Negara 2019 hari ini bagi menyemarakkan dan membudayakan Sains, Teknologi dan Inovasi (STI) serta memupuk kesedaran masyarakat mengenai peranan STI dalam meningkatkan kesejahteraan serta pertumbuhan ekonomi negara. Bertempat di Pusat Sains Negara, majlis pelancaran tersebut disempurnakan oleh YAB Tun Dr. Mahathir Mohamad, Perdana Menteri Malaysia dan diiringi oleh YABhg. Tun Dr. Siti Hasmah Haji Mohd Ali, YB Puan Yeo Bee Yin, Menteri Tenaga, Sains, Teknologi, Alam Sekitar dan Perubahan Iklim dan YB Puan Isnaraissah Munirah Majlis, Timbalan Menteri Tenaga, Sains, Teknologi, Alam Sekitar dan Perubahan Iklim.

Minggu Sains Negara pada tahun ini mengangkat tema “Sains untuk Kesejahteraan” yang signifikan dengan kehidupan seharian manusia kerana sains dan teknologi memberi kesan yang besar terhadap kelestarian alam sekitar dan masyarakat. Memandangkan pembangunan teknologi diperlukan untuk pembangunan negara, adalah sangat penting untuk menyepadukan ilmu sains dan teknologi dengan sains sosial dalam membincangkan isu berkaitan teknologi dan kesannya terhadap kelestarian persekitaran dan masyarakat. Kadar perkembangan teknologi yang pesat memerlukan pertimbangan yang teliti dan bermakna ke arah teknologi yang mencerminkan perkongsian nilai masyarakat dan persekitaran.



“Penggunaan dan penyebarluasan sumber sains mampu membentuk semula masa depan ke arah pembangunan ekonomi yang mampan selari dengan kelestarian alam sekitar, kesejahteraan rakyat dan keselamatan sejagat. Penghasilan produk dan peralatan melalui teknologi hijau menjimatkan sumber asli dan menggalakkan sumber yang boleh diperbaharui. Aktiviti R&D perlu mengambil kira kelestarian alam sekitar dan menangani kesan perubahan iklim. Keseimbangan antara pemeliharaan alam sekitar dan pembangunan adalah penting dalam meningkatkan ekonomi negara”, kata YAB Tun Dr. Mahathir Mohamad dalam ucapan perasmianya.

Tambah beliau lagi, penggunaan sumber juga hendaklah dilaksanakan dengan lebih bertanggungjawab. Kesan negatif alam sekitar termasuk kekurangan sumber dan bencana alam dapat dielakkan dengan menggalakkan industri menggunakan teknologi yang rendah karbon dan mesra alam.

Dalam ucapan alu-aluannya pula, YB Puan Yeo Bee Yin menyatakan bahawa Kementerian telah melancarkan Program MESTECC 2019 merangkumi 73 inisiatif di bawah tiga sektor utama iaitu Sektor Tenaga, Sektor Sains dan Teknologi dan Sektor Alam Sekitar dan Perubahan Iklim, inisiatif bersifat fungsian dan juga generik dengan slogan Kuasai, Laksana, Ungguli atau *Own It, Do It, Ace It*. Penganjuran Minggu Sains Negara merupakan satu daripada 73 inisiatif tersebut yang bertujuan mempromosikan bidang STI kepada rakyat.

Tambah beliau lagi, pelbagai aktiviti yang menarik dan interaktif akan dan telah dilaksanakan antaranya Pembukaan galeri baharu Science Valley dan Program Butterfly Go Free di Pusat Sains Negara, Bukit Kiara, KLScience Fiction (SciFi) Weekend di Planetarium Negara, Science Island Hopping di Terengganu, Pesta Rombituan di Kundasang, Sabah dan Rocket Projects di Sarawak.

Minggu Sains Negara kali ini dilaksanakan dalam dua fasa. Fasa 1 yang berlangsung dari 1 hingga 7 April 2019 melibatkan Wilayah Persekutuan (Pusat Sains Negara dan



Planetarium), Terengganu, Sabah dan Sarawak, manakala Fasa 2 akan dilaksanakan pada 2 hingga 8 Ogos 2019 di negeri-negeri lain.

Sempena Minggu Sains Negara kali ini, satu pameran dan program mengenai Kempen Hindari Plastik Sekali Guna turut diadakan di semua lokasi utama termasuk negeri. Lebih menarik lagi bagi meningkatkan kesedaran tentang sains dan persekitaran satu pameran khas Tangisan Sungai Kim Kim turut diadakan di Pusat Sains Negara.

Pelbagai program menarik dan interaktif telah dirancang dan akan dilaksanakan sepanjang Minggu Sains Negara 2019 Fasa 1 di enam lokasi utama dan perinciannya adalah sepertimana berikut:

1. Pusat Sains Negara, Kuala Lumpur

- i. Pembukaan Galeri baru Science Valley
- ii. Pameran Present for the Future melibatkan Augmented Reality, Virtual Reality, STI dan lain-lain
- iii. Pertandingan e-Sport PSN
- iv. Butterfly Go Free

2. Planetarium, Kuala Lumpur

- i. Public Appreciation for STI (PASTI)
- ii. KL SciFi Weekend pada 6 dan 7 April 2019

3. Terengganu

- i. Science Troopers
- ii. Ekspo Sains
 - Sesi Perkongsian Idola Sains oleh Prof. Dr. Wan Ahmad Tajuddin
 - Sesi Perkongsian 'Sains Untuk Kesejahteraan' oleh Heliza Helmi
 - Forum Kepentingan Vaksinasi



iii. Science Island Hopping.

Kesemua program di negeri Terengganu akan dilaksanakan dari 1 hingga 12 April 2019

4. Sabah

- i. Demonstrasi Sains
- ii. Pertandingan Roket Air
- iii. Run for Science 2019
- iv. Pesta Rombituan
- v. Stargazing di Bukit Maragang

5. Sarawak

- i. Pertandingan Penyiasatan Crime Scene Investigation (CSI)
- ii. Planetarium Mudah Alih
- iii. Marking Star Chart
- iv. Pencerapan Cuaca
- v. Projek Roket
- vi. Sisa elektronik isi rumah atau *Household e-waste*

Kesemua program di Sarawak akan dilaksanakan pada 3 dan 4 April 2019

6. Pusat Sains Negara Wilayah Utara (PSNWU), Gunung Keriang, Kedah

- i. Pertandingan Jet Kawalan Jauh (RC Jet)

Minggu Sains Negara merupakan salah satu platform MESTECC dalam mendokong usaha Kerajaan untuk melahirkan lebih ramai saintis dan penyelidik pada masa hadapan. Maklumat lanjut mengenai Minggu Sains Negara 2019 boleh didapati di www.mestecc.gov.my dan di laman sosial rasmi MESTECC, Facebook [@Mestecc](https://www.facebook.com/Mestecc), Instagram [@Mestecc](https://www.instagram.com/Mestecc) dan Twitter [@MyMestecc](https://twitter.com/MyMestecc)

- TAMAT -



Untuk pertanyaan lanjut, sila hubungi:

Fariz Ezwan Ali Khan

Pegawai Komunikasi Strategik

Unit Komunikasi Korporat

Kementerian Tenaga, Sains, Teknologi, Alam Sekitar dan Perubahan Iklim
(MESTECC)

No. Tel: 018-3108333

E-mel: faris@mestecc.gov.my

Akmal Tujad

Pegawai Perhubungan Awam (Kanan)

Unit Komunikasi Korporat

Kementerian Tenaga, Sains, Teknologi, Alam Sekitar dan Perubahan Iklim
(MESTECC)

No. Tel: 012-9075372

E-mel: akmaltujad@mestecc.gov.my

MENGENAI MINGGU SAINS NEGARA

Minggu Sains Negara anjuran Kementerian Tenaga, Sains, Teknologi, Alam Sekitar dan Perubahan Iklim (MESTECC) yang berlangsung dari 1 hingga 7 April adalah acara tahunan yang disambut bermula 2018. Padat dengan pelbagai pengisian dan aktiviti berasaskan sains, teknologi dan inovasi (STI), sambutan Minggu Sains Negara sepanjang minggu ini berlangsung serentak di enam lokasi seluruh negara dengan lokasi utamanya di Pusat Sains Negara dan Planetarium Negara, Kuala Lumpur.

Berbeza dari tahun sebelumnya, Minggu Sains Negara kali ini dilaksanakan dalam dua fasa. Fasa pertama yang berlangsung dari 1 hingga 7 April 2019 melibatkan Wilayah Persekutuan (Pusat Sains Negara dan Planetarium), Terengganu, Kedah dan Sabah dan Sarawak, manakala fasa kedua akan dilaksanakan pada 2 hingga 8 Ogos 2019 di negeri-negeri lain.

Untuk mengetahui lebih lanjut mengenai usaha MESTECC dalam menyemarak dan membudayakan STI, sila layari www.mestecc.gov.my atau ikuti kami di Facebook [@Mestecc](https://www.facebook.com/Mestecc), Instagram [@Mestecc](https://www.instagram.com/Mestecc) dan Twitter [@MyMestecc](https://twitter.com/MyMestecc)